



SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN PIDATO ANTARABANGSA BAHASA MELAYU PIALA PERDANA MENTERI 2026

1. UMUM

- 1.1 Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) 2026.
- 1.2 Peraturan ini disediakan oleh Jawatankuasa Pertandingan PABM 2026.
- 1.3 Peraturan ini diterima pakai untuk PABM 2026.
- 1.4 Tafsiran peraturan ini merupakan hak mutlak penganjur. Penganjur berhak untuk meminda sebarang peraturan sebelum pertandingan bermula, sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Pertandingan PABM 2026.

2. PENGENALAN

- 2.1 Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri telah dimulakan sejak tahun 2007 oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
- 2.2 PABM 2026 merupakan pertandingan siri yang ke-16.
- 2.3 PABM diadakan untuk memartabatkan citra dan kedaulatan bahasa melayu di persada dunia.
- 2.4 Tema PABM 2026 ialah **“Bahasa Melayu, Jambatan Peradaban Global”**.

3. SYARAT PENYERTAAN

- 3.1 Kelayakan umum
 - a. Terbuka kepada pelajar berusia bawah 40 tahun.
 - b. Peserta merupakan pelajar ijazah pertama atau pasca ijazah yang mendaftar dan aktif di institusi pengajian tinggi.
 - c. Peserta yang pernah memenangi tempat pertama, kedua atau ketiga dalam PABM terdahulu tidak dibenarkan menyertai PABM 2026.
 - d. Peserta hendaklah warganegara kepada negara yang diwakilinya.

3.2 Kategori

a. Antarabangsa

- i. Terbuka kepada pelajar antarabangsa yang belajar di luar negara, **selain warganegara Malaysia, Indonesia, Thailand, Singapura, dan Brunei Darussalam.**
- ii. Peserta mestilah berdaftar di mana-mana Universiti Awam atau Swasta di luar negara.

b. Alam Melayu

- i. Pelajar **warganegara Malaysia, Indonesia, Thailand, Singapura, dan Brunei Darussalam.**
- ii. Bagi pelajar Malaysia perlulah melalui pemilihan wakil Malaysia.

c. Pelajar Antarabangsa di Malaysia (PAM)

- i. Peserta ialah pelajar antarabangsa yang berdaftar di mana-mana institusi pendidikan tinggi di Malaysia, **selain warganegara Malaysia, Indonesia, Thailand, Singapura, dan Brunei Darussalam.**
- ii. Bagi peserta yang merupakan pelajar ijazah pertama, peserta hendaklah memperoleh keputusan terkini dengan PNGK/CGPA sekurang-kurangnya 2.50 atau yang setara dengannya.
- iii. Setiap penyertaan mestilah mendapat pengesahan daripada **Timbalan Naib Canselor/Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)** di institusi pengajian tinggi masing-masing.

4. FORMAT PERTANDINGAN

4.1 Tema dan Subtema Pidato

- a. Peserta hendaklah memilih tajuk berdasarkan tema dan subtema yang telah ditetapkan.

Tema: **“Bahasa Melayu, Jambatan Peradaban Global”**

Subtema:

- i. Bahasa Melayu, Jiwa Bangsa dalam Dunia Mesin Pintar.
- ii. Evolusi Bahasa Melayu daripada Manuskrip kepada Mikrocip.
- iii. Bahasa Melayu Pembina Tamadun Digital.
- iv. Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals – SDG) Kerangka Tamadun Baharu.
- v. Mahasiswa Suara Intelektual Bangsa.

- vi. Mahasiswa Benteng Bahasa.
- vii. Generasi Alpha: Warisan Atau Pertaruhan.
- viii. Peradaban Global: Cabaran Zaman dan Tanggungjawab Insan.
- ix. Bahasa Melayu Tiang Seri Peradaban Bangsa.
- x. Kemenjadian Generasi Baharu.

- b. Peserta boleh menggunakan tajuk yang sama untuk setiap pusingan atau berlainan untuk setiap pusingan

4.2 Peringkat Pertandingan

Peringkat	Antarabangsa	Alam Melayu	PAM
Saringan	Terbuka kepada 100 peserta	Terbuka kepada 20 peserta (tidak termasuk wakil Malaysia)	Terbuka kepada 50 peserta
Pusingan Awal	20 peserta	-	20 peserta
Suku Akhir	10 peserta	10 peserta	10 peserta
Separuh Akhir	5 peserta	5 peserta	5 peserta
Akhir	3 peserta	3 peserta	3 peserta

4.3 Masa Pidato

Kategori	Saringan	Pusingan Awal	Suku Akhir	Separuh Akhir	Akhir
Antarabangsa	5 minit	5 minit	6 minit	7 minit	7 minit
Alam Melayu	6 minit	-	6 minit	7 minit	7 minit
PAM	5 minit	5 minit	6 minit	7 minit	7 minit

4.4 Kaedah Pertandingan

- a. Peringkat Saringan akan dilaksanakan secara dalam talian.
- b. Bagi Peringkat Pusingan Awal, Suku Akhir, Separuh Akhir dan Akhir akan dilaksanakan secara bersemuka.

5. PERINGKAT PERTANDINGAN

5.1 Peringkat Saringan

- a. Peringkat Saringan akan dilaksanakan **secara dalam talian** untuk semua kategori.
- b. Peringkat Saringan bagi kategori Antarabangsa dan PAM terbahagi kepada tiga segmen seperti yang berikut:

- i. Segmen temu bual: Peserta akan ditemu bual oleh panel untuk menilai tahap penguasaan bahasa Melayu.
 - ii. Segmen kefahaman: Peserta akan diberikan satu petikan untuk dibaca. Peserta kemudiannya akan diberikan soalan berdasarkan pada petikan tersebut.
 - iii. Segmen pidato: Semua peserta perlu berpidato selama lima minit, kecuali peserta Alam Melayu yang perlu berpidato selama 6 minit. Pemarkahan akan diberikan berdasarkan kepada kriteria pemarkahan yang diguna pakai sewaktu PABM. Peserta juga akan memilih subtema yang ditetapkan.
- c. Peserta bebas menentukan tajuk pidato mereka. Namun, tajuk pidato mestilah berdasarkan kepada tema dan subtema yang telah ditetapkan oleh penganjur. Tajuk pidato untuk semua kategori haruslah sentiasa relevan dengan perkembangan semasa.

5.2 Pusingan Awal

- a. Pusingan Awal dilaksanakan secara bersemuka.
- b. Seramai 20 orang peserta terbaik bagi kategori Antarabangsa dan Pelajar Antarabangsa di Malaysia (PAM) Peringkat Saringan layak ke Pusingan Awal.
- c. Peserta perlu berpidato selama 5 minit.

5.3 Peringkat Suku Akhir

- a. Peringkat Suku Akhir dijalankan secara bersemuka.
- b. Seramai 10 orang peserta terbaik bagi setiap kategori Pusingan Awal layak ke Peringkat Suku Akhir.
- c. Peserta perlu berpidato selama 6 minit

5.4 Peringkat Separuh Akhir

- a. Peringkat Separuh Akhir dijalankan secara bersemuka.
- b. Seramai lima orang peserta terbaik bagi setiap kategori dari Peringkat Suku Akhir layak ke Peringkat Separuh Akhir.
- c. Peserta perlu berpidato selama 7 minit.

5.5 Peringkat Akhir

- a. Peringkat Akhir dijalankan secara bersemuka.
- b. Seramai tiga orang peserta terbaik bagi setiap kategori dari Peringkat Separuh Akhir layak ke Peringkat Akhir.
- c. Peserta perlu berpidato selama 7 minit.

6. PERMARKAHAN

6.1 Peringkat Saringan (Antarabangsa dan PAM)

- a. Kedudukan peserta akan ditentukan mengikut kriteria seperti yang berikut:
 - i. Jumlah markah keseluruhan.
 - ii. Jumlah markah segmen temu bual.
 - iii. Jumlah markah segmen kefahaman.
 - iv. Jumlah markah segmen pidato.
- b. Markah minimum untuk lulus Peringkat Saringan ialah 70 markah.

6.2 Peringkat Pusingan Awal, Suku Akhir, Separuh Akhir dan Akhir (termasuk Peringkat Saringan Alam Melayu)

- a. Peserta akan dinilai mengikut kriteria seperti yang berikut:

Kriteria	Markah	Perincian
Isi	40 markah	<ul style="list-style-type: none">• Pidato hendaklah mengandungi isi yang tepat dan relevan dengan tajuk, dihuraikan secara jelas serta disokong oleh bukti atau fakta yang bersesuaian.• Rumusan hendaklah mencerminkan keseluruhan kandungan pidato.• Jumlah isi hendaklah disesuaikan dengan tempoh masa yang diperuntukkan, contohnya dua isi bagi tempoh 5 minit dan tiga isi bagi tempoh 6 hingga 7 minit.
Bahasa	30 markah	Penggunaan bahasa Melayu mestilah betul dengan pemilihan kosa kata yang tepat, sebutan yang jelas dan betul, serta penggunaan laras bahasa yang sesuai akan diberikan kelebihan.
Gaya	25 markah	Pidato hendaklah disampaikan dengan gaya meyakinkan dan membujuk tanpa membaca teks, menarik serta enak didengar dengan gaya bersahaja. Intonasi dan bahasa badan perlulah sesuai, serta memastikan kawalan masa yang baik dan teratur.
Etika	5 markah	Pakaian dan tingkah laku yang sopan dan menarik sepanjang berpidato.
Jumlah	100 markah	

- b. Penentuan kedudukan berdasarkan kepada turutan kriteria seperti yang berikut:
 - i. Jumlah mata.
 - ii. Jumlah markah keseluruhan.
 - iii. Jumlah markah isi.

- iv. Jumlah markah bahasa.
- v. Jumlah markah gaya.
- vi. Jumlah markah etika.

7. SESI PIDATO DALAM TALIAN

- 7.1 Pertandingan akan diadakan menggunakan **aplikasi Zoom/Skype/Microsoft Team/lain-lain** yang akan diuruskan oleh pasukan teknikal yang dilantik oleh penganjur utama.
- 7.2 Bagi memastikan kelancaran pertandingan secara dalam talian, setiap peserta yang bertanding perlulah memastikan capaian Internet yang baik. Bagi tujuan pertandingan ini, peserta diwajibkan mempunyai **capaian Internet 50 Mbps dan ke atas**. Tanggungjawab untuk memenuhi keperluan Internet adalah di bawah seliaan pegawai/pengurus pasukan masing-masing. Sebarang isu berkaitan dengan capaian Internet bukan di bawah tanggungjawab penganjur.
- 7.3 Semua peserta pidato mestilah bersedia secara dalam talian sekurang-kurangnya **15 minit sebelum** pertandingan bermula.
- 7.4 Sekiranya berlaku masalah teknikal berkaitan dengan capaian Internet semasa sesi pidato berlangsung, keputusan akhir/budi bicara bagi menentukan sesi tersebut terletak pada Ketua Juri yang dilantik, dengan nasihat teknikal daripada Jawatankuasa Pertandingan.
- 7.5 Bilik sampingan (breakout room) sebelum giliran bermula akan disediakan dalam **ruangan** dalam talian yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan. Semua pemidato mestilah mematuhi arahan yang diberikan oleh pihak pengurusan pertandingan.
- 7.6 Selepas tamat berpidato, peserta **tidak dibenarkan** meninggalkan bilik sampingan sehingga pengumuman selanjutnya dibuat oleh Sekretariat.
- 7.7 Sekiranya berlaku masalah teknikal semasa pertandingan pidato berlangsung, langkah-langkah berikut hendaklah diikuti:
 - a. Sekiranya peserta tidak dapat memasuki sesi pertandingan secara dalam talian sebelum giliran bermula, peserta diberikan masa tambahan sehingga 5 minit untuk masuk ke sesi pertandingan secara dalam talian.
 - b. Sekiranya peserta terkeluar daripada sesi pertandingan secara dalam talian, langkah-langkah berikut hendaklah diikuti:
 - i. Peserta diberikan masa sehingga lima minit untuk masuk semula ke sesi pertandingan secara dalam talian.
 - ii. Peserta akan meneruskan pidato dengan baki masa yang dicatatkan oleh penjaga masa yang dilantik.

8. PENUTUP

- 8.1 Keputusan panel hakim muktamad.
- 8.2 Sebarang rayuan tidak akan dilayan.
- 8.3 Syarat ini tertakluk pada perubahan yang dirasakan sesuai oleh Jawatankuasa Pertandingan.

Dikemas kini oleh:

**JAWATANKUASA PERTANDINGAN PIDATO ANTARABANGSA BAHASA MELAYU
PIALA PERDANA MENTERI 2026**



SISIPAN SYARAT DAN PERATURAN BAGI PEMILIHAN WAKIL MALAYSIA

1. UMUM

- 1.1. Syarat dan peraturan ini diterima pakai untuk sesi pemilihan wakil Malaysia ke Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri 2026 sahaja.
- 1.2. Tafsiran peraturan ini merupakan hak mutlak Jawatankuasa Pertandingan PABM 2026. Jawatankuasa mempunyai hak untuk meminda mana-mana syarat yang difikirkan sesuai.
- 1.3. Sesi pemilihan akan dilakukan secara bersemuka.

2. PENYERTAAN

- 2.1. Setiap Institusi hanya dibenarkan menghantar **SATU (1)** orang peserta sahaja untuk menyertai sesi pemilihan.
- 2.2. Peserta hendaklah pelajar institusi berwarganegara Malaysia.
- 2.3. Penyertaan terbuka kepada pelajar ijazah pertama dari universiti awam, universiti swasta dan institut pendidikan guru.
- 2.4. Penyertaan juga terbuka kepada pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti.
- 2.5. Penyertaan terbuka kepada 40 orang peserta yang paling awal mengesahkan penyertaan ke sesi pemilihan.
- 2.6. Peserta hendaklah memperoleh keputusan terkini dengan PNGK/CGPA sekurang-kurangnya 2.50 atau yang setara dengannya.

3. FORMAT SESI PEMILIHAN

- 3.1. Pemilihan berdasarkan kepada penyampaian pidato.
- 3.2. Sesi pemilihan akan dibahagikan kepada pusingan yang berikut:

Pusingan	Perincian
Saringan Awal	40 orang
Saringan Akhir	10 orang peserta terbaik dari pusingan saringan awal

- 3.3. Hanya dua (2) orang peserta akan dipilih untuk mewakili Malaysia bagi PABM 2026.
- 3.4. Tempoh pidato

3.4.1. Saringan Awal – 6 minit

3.4.2. Saringan Akhir – 7 minit

4. PENUTUP

4.1. Keputusan panel hakim muktamad.

4.2. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.

4.3. Syarat ini tertakluk pada perubahan yang dirasakan sesuai oleh Jawatankuasa Pertandingan PABM 2026.

4.4. Para peserta akan dimaklumkan berkaitan dengan sebarang perubahan syarat penyertaan sebelum sesi pemilihan bermula.

Dikemas kini oleh:

**JAWATANKUASA PERTANDINGAN PIDATO ANTARABANGSA BAHASA MELAYU
PIALA PERDANA MENTERI 2026**